

PERSEPSI PEMIMPIN TEMPATAN DAN KOMUNITI KAWASAN PESISIR DI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA TERHADAP PROGRAM EKOPELANCONGAN KAWAN ISKANDAR MALAYSIA

A PERCEPTION OF LOCAL LEADERS AND COASTAL COMMUNITY AREA IN ISKANDAR MALAYSIA REGION AGAINST THE KAWAN ISKANDAR MALAYSIA ECOTOURISM PROGRAM

Mohd Zulhafiz Said^{1, 2}
Ibrahim Komoo^{1, 2}
Edy Tonnizam Mohamad¹

¹Pusat Geokejuruteraan Tropika (GEOTROPIK), Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), (E-mail: mzulhafizsaid@gmail.com; ikomoo@yahoo.com; edy@utm.my);

²Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, (E-mail: mzulhafizsaid@gmail.com; ikomoo@yahoo.com)

Article history

Received date : 12-10-2020
Revised date : 13-10-2020
Accepted date : 4-12-2020
Published date : 14-12-2020

To cite this document:

Mohd Zulhafiz, S., Ibrahim, K., & Edy Tonnizam, M. (2020). Persepsi Pemimpin Tempatan dan Komuniti Kawasan Pesisir di Wilayah Iskandar Malaysia Terhadap Program Ekopelancongan Kawan Iskandar Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(34), 10 – 21.

Abstrak: *Kajian ini melihat persepsi yang diutarakan daripada pemimpin tempatan seperti ketua kampung, pengerusi koperasi Kawan Iskandar Malaysia, komuniti di kalangan penduduk kampung dan ahli koperasi Kawan Iskandar Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menjalankan temubual kepada 16 orang responden. Kawasan yang terlibat adalah Kampung Sungai Melayu, Ulu Pulai, Permas Besar dan Kongkong Laut. Dapatan kajian menunjukkan program Kawan Iskandar Malaysia merupakan sebuah program yang mampu memberikan perubahan kepada komuniti kawasan pesisir untuk terlibat dalam industri ekopelancongan dan mampu menjana pendapatan tambahan kepada pesertanya. Proses pemerksaan juga dilakukan oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar kepada peserta program ini. Walaubagaimanapun, terdapat juga permasalahan yang timbul terutamanya tentang pengurusan dan pentadbiran koperasi yang seakan berat sebelah.*

Kata kunci: *Ekopelancongan, Iskandar Malaysia, Kawan Iskandar Malaysia, Kawasan Pesisir, Pemimpin Tempatan dan Komuniti*

Abstract: *This study examines the perception expressed by local leaders such as the village head, chairman of Kawan Iskandar Malaysia, the community among villagers as well as members of Kawan Iskandar Malaysia cooperatives. This study used a qualitative approach by conducting interviews with 16 respondents. The research areas were Kampung Sungai*

Melayu Ulu Pulai, Permas Besar, and Kongkong Laut. The findings show that the Kawan Iskandar Malaysia Program is a program that enables change for coastal communities to engage in the ecotourism industry and generate additional income for its participants. The empowerment process was also carried out by the Iskandar Regional Development Authority to the participants of the program. However, some issues arise, especially regarding the management and administration of the cooperative.

Keywords: *Ecotourism, Iskandar Malaysia, Kawan Iskandar Malaysia, Coastal Area, Local Leaders and Community*

Pengenalan

Kajian terhadap komuniti kawasan pesisir di Wilayah Iskandar Malaysia (WIM) dan program ekopelancongan Kawan Iskandar Malaysia (KIM) merupakan satu daripada kajian yang dijalankan di bawah Kursi Iskandar Malaysia @ UTM atau ringkasnya IM@UTM. Fokus utama penyelidikan ini adalah melihat impak terhadap kesejahteraan komuniti setempat dan juga impak daripada program pembangunan sosioekonomi KIM kepada penduduk setempat di WIM.

Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) melalui wawasan pembangunan sosial berhasrat untuk mewujudkan sebuah komuniti yang aman, makmur dan harmoni melalui kesediaan penyertaan dan penglibatan komuniti dalam aktiviti sosioekonomi di WIM. Pihak IRDA merancang pelbagai bentuk inisiatif dan program untuk pembangunan modal insan, ekonomi, sosial, komuniti dan peningkatan kualiti kehidupan (Iskandar Malaysia, 2012; Ibrahim, 2019). Melaluinya, tiada siapa yang akan dipinggirkan dalam usaha mencapai pertumbuhan ekonomi, mendapat peluang samarata dan terbuka tanpa mengira kaum, agama, kerakyatan atau kedudukan ekonomi dan hasil dari kekayaan yang terkumpul akan dikongsi secara saksama merentasi kaum dan kumpulan. Melalui tindakan ini akan mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat yang pelbagai kaum, agama serta semua penduduk WIM akan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi yang berlangsung. Banyak inisiatif, projek dan program telah dilaksanakan oleh IRDA sejak 2008 hingga kini dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan daripada kementerian, agensi kerajaan, kerajaan negeri Johor dan peneraju industri. Jadual 1 di bawah memperincikan program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak IRDA.

Jadual 1: Bidang Fokus Inisiatif dan Program IRDA di Wilayah Iskandar Malaysia

Fokus	Inisiatif dan Program
Modal Insan	Akademi Iskandar Malaysia; Pembangunan Pekerja Berkemahiran; Karnival Kerjaya; Perniagaan dan Kemahiran (KEPAK); Kerjasama dengan PTPK dan FEMAc; Townhall; Kelas Bahasa Inggeris; Pembinaan Pasukan dan Peningkatan Bakat Negara (NTEP).
Ekonomi	Usahawan Baharu Bumiputera dan Belia Iskandar Malaysia; Geran Pekerjaan Iskandar Malaysia; Hab Belia Antarabangsa (HAB); Medan Selera Iskandar; Media Baharu dan Ekosistem Kandungan Digital; Meningkatkan Taraf Produk PKS; <i>Dropcash</i> ; Inovasi PKS dan Akses Pembiayaan; Keusahawanan Internet Komersial Iskandar; Peningkatan Kemahiran Keusahawanan Wanita; Pembangunan

	<p>Francais; ‘Tanggam Kami’; Pusat Kecemerlangan Media dan Permainan (MAGICX); Pusat Maklumat dan Perniagaan Belia Iskandar Malaysia (IMPOD); Seminar Keusahawanan Siswazah Iskandar Malaysia; Set Iskandar Malaysia (Perkhidmatan Simpan Kira-kira); Skim Pembiayaan Majlis Wanita Iskandar Malaysia; <i>Smart Biz Kid</i>; Ekopelancongan dan TERAJU @IM.</p>
Sosial	<p>Anugerah Wira Sosial Iskandar Malaysia; Bandar Komuniti Sihat & Pintar; Festival Pembelajaran Iskandar; Galleria @Kotaraya <i>Scavenger Hunt</i>; Himpunan Belia Iskandar Malaysia Johor; IM Makmur; Pusat Pembelajaran Iskandar; Sukan; Kempen <i>Say Something Nice</i>; Kompang Johor; Majlis Pemimpin Pelajar Johor; Makmal Mini Perpaduan Kaum dan Masyarakat Penyayang; Persidangan Kaum Cina Iskandar Malaysia; Kebudayaan dan Bakat; Bandar Pintar Sihat dan Masyarakat; Integrasi Kaum [Santapan Iskandar Malaysia; <i>Business Knowledge Sharing</i>; Kelas Bahasa (Mandarin dan Tamil); Perlumbaan Warisan Puteri Iskandar; Pertandingan Fotografi Iskandar Malaysia; Pertandingan <i>Paintball</i>; Sukan Muhibah]; Program Pembangunan Kemahiran dalam Pembinaan dan Penyelenggaraan Belia Tempatan Mahir (BERTAM); Program untuk Orang Asli; dan Rangkaian Masyarakat Mampan Iskandar Malaysia.</p>
Perubahan set minda dan pembangunan komuniti	<p>Ceramah Kerjaya; Kesukarelawanan; Kawan Iskandar Malaysia (KIM); Kepimpinan Penghulu dan Ketua Kampung; Keusahawanan, Produktiviti, Kebajikan dan Anjakan Minda; Pertanian Bandar Iskandar Malaysia; <i>English Fun Class</i>; Ajen Perubahan; Kesedaran Sebelum Perubahan (ABC); Keusahawanan Sehati; Motivasi dan Perubahan Set Minda; Penambahbaikan Kampung; Pusat Orang Desa Iskandar Malaysia dan Rangka Kerja Kelestarian Iskandar Malaysia.</p>
Keselamatan dan Perlindungan	<p>Bengkel Kajian Indeks Sosial yang pertama di Iskandar Malaysia; Indeks sosial Iskandar Malaysia; Infrastruktur Maklumat Bersepadu Iskandar Malaysia (IM3I); Inisiatif Keselamatan dan Perlindungan di Iskandar Malaysia; Laluan Pejalan Kaki dan Sikal; Makmal Jenayah Koridor & Bandaraya; Papan Informasi Jambatan Pandan; Pengawasan CCTV; Polis Bantuan dan Pos Polis Komuniti (CPP).</p>
Perumahan dan Ruang	<p>Bengkel Pemilikan Hartanah Bumiputera di Iskandar Malaysia; Bengkel Penambahbaikan Polisi Perumahan Negeri Johor; IM EduHome; Karnival Hartanah Bumiputera dan Perumahan Mampu Milik Johor; Memorandum Perjanjian antara JCorp dan Kerajaan Negeri untuk Menyediakan Perumahan Mampu Milik; Kemampuan Pasaran Hartanah; Penambahbaikan Kemudahan Jalan Darat; Pengesahan Protokol Penempatan Semula; Penubuhan Pasukan Petugas Perumahan Johor; Program Enklaf Pekerja Asing; Kongsi Keprihatinan Iskandar Malaysia; Penempatan Semula Penduduk Setinggi Sungai Tebrau dan Rumah Iskandar Malaysia.</p>

Sumber: Iskandar Malaysia, 2012; Iskandar Malaysia, 2013; Iskandar Malaysia, 2014; Iskandar Malaysia, 2015; Iskandar Malaysia, 2016; Iskandar Malaysia, 2017; Iskandar Malaysia, 2018.

Program KIM merupakan program di bawah fokus perubahan set minda dan pembangunan komuniti untuk membangunkan sosioekonomi penduduk di WIM. Antaranya melalui aktiviti ekopelancongan. Artikel ini akan membincangkan persepsi dan pandangan daripada pemimpin tempatan dan komuniti tentang program ekopelancongan KIM khususnya kepada penduduk di kawasan pesisir WIM.

Pembangunan Pelancongan di Wilayah Iskandar Malaysia

Pewujudan Wilayah Ekonomi Baharu di Malaysia iaitu Wilayah Ekonomi Pantai Timur, 2008-2020 (ECER), Wilayah Ekonomi Koridor Utara, 2007- 2025 (NCER) dan Iskandar Malaysia, 2008-2025 adalah antara usaha kerajaan untuk memajukan industri pelancongan sebagai salah satu strategi Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia, 2020 berfokus kepada pelancongan di peringkat negara, negeri dan wilayah (PEMANDU 2012; Wan Suzita et al., 2016). Pada tahun 2018, sektor pelancongan telah menyumbang sebanyak RM84.1 billion kepada pendapatan ekonomi negara (Tourism Malaysia, 2018; Kartina dan Dayang, 2019). Alam sekitar, keindahan alam semula jadi dan keunikan budaya ahli komuniti lokal merupakan salah satu tarikan utama di Malaysia (Tourism Malaysia, 2018; Kartina dan Dayang, 2019). Malaysia pada masa kini telah mendahului pembangunan dalam industri pelancongan serta memberi kepuasan kepada para pelancong berbanding negara Asia yang lain kerana kegiatan pelancongan di Malaysia telah berkembang sejak 1980an lagi hingga kini (Veasna et al., 2015; Wan Suzita et al., 2016).

Oleh kerana usaha pelancongan wilayah merupakan salah satu sub pelancongan yang penting dalam perkembangan ekonomi negara (Wan Suzita et al., 2016), IRDA merancang dengan begitu strategik usaha untuk pembangunan pelancongan dan komuniti di wilayahnya. Perancangan ini membolehkan inisiatif, program dan projek yang dilaksanakan memberikan faedah bermanfaat kepada komuniti yang terlibat. Usaha yang dilakukan adalah mengoptimalkan kekayaan sejarah, budaya dan warisan di Johor (Iskandar Malaysia, 2015b). Usaha ini merangkumi konservasi bangunan warisan yang ikonik dan menjadi tarikan utama pelancong dan juga eksplorasi Sungai Johor melihat sejarah dan kota pemerintahan Johor Lama, menonjolkan aktiviti bersifat kebudayaan, membangunkan rintis budaya dan memasyarakatkan budaya, seni dan tradisi Johor kepada pelancong. Seterusnya adalah memfokuskan kepada pelancongan sukan dan pengembaraan luar, pelancongan pendidikan dan perubatan. Fokus juga diberikan terhadap aktiviti membeli-belah dan gastronomi di Johor seperti menambah pusat membeli-belah dan mempromosikan keunikan kulineri Johor (Iskandar Malaysia, 2015b).

IRDA juga berusaha membangun dan menggalakkan aktiviti ekopelancongan dan pelancongan luar bandar. Contohnya pembangunan kampung air di Kukup, kampung Orang Asli dan program homestay untuk pelancong merasai pengalaman kehidupan di desa seperti di Kampung Kuala Masai dan Kampung Pasir Gudang (Anand, 2015). Turut ditonjolkan adalah kawasan tanah lembab RAMSAR yang merupakan makmal hidup dan tapak pendidikan alam tabii ekosistem marin dan paya bakau seperti di RAMSAR Sungai Pulai, RAMSAR Tanjung Piai dan RAMSAR Pulau Kukup (Ahmad et al., 2019; Zaitie, 2019; Mohamed et al., 2020).

Usaha seterusnya adalah membina kemudahan MICE yang bertaraf dunia dan taman tema. IRDA juga membantu mengenalpasti penawaran pakej yang unik dan menarik serta meningkatkan usaha mempromosikan Johor kepada pelancong dengan lebih meluas. Selain itu,

perhubungan udara juga dipertingkatkan agar liputannya lebih meluas bagi kawasan serantau dan juga antarabangsa ke Johor. Kerjasama dengan syarikat penerbangan tambang rendah lebih diperkukuh disamping menambahbaik akses dari Singapura melalui Tambak Johor dan Link Kedua serta kemudahan perkhidmatan jalan laut untuk bot, feri dan teksi air (Iskandar Malaysia, 2012; Iskandar Malaysia, 2013; Iskandar Malaysia, 2014; Iskandar Malaysia, 2015; Iskandar Malaysia, 2016; Soriya Yin, 2016; Iskandar Malaysia, 2017; Iskandar Malaysia, 2018).

Ekopelancongan dan Nelayan di Johor

Negeri Johor kaya dengan sumber semulajadi, berpotensi dimajukan sebagai produk ekopelancongan. Ekopelancongan adalah aktiviti pelancongan yang berterusan dalam memulihara serta menyediakan satu ruangan tarikan pelancongan yang berkonsepkan alam tabii atau ekologi buatan (Er & Nurul, 2013; Chistopher et al., 2016). Komponen ekopelancongan yang bercirikan pembangunan lestari akan menyediakan kemudahan pelancongan dalam ruangan tersebut tanpa memusnah atau mengancam persekitaran ekologi semulajadi sedia ada. Melalui pembangunan ekopelancongan juga, membuka peluang kepada komuniti setempat membangunkan diri dan komuniti dalam ruang ekosistem tersebut. Ekopelancongan memberi impak positif kepada pembangunan sosioekonomi komuniti setempat (Butler, 1980; Ceballos-Lascurain, 1996; Er & Nurul, 2013; Chistopher et al., 2016), peningkatan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada komuniti setempat (Chistopher et al., 2016), serta memberi kesan positif terhadap aspek seperti kesihatan, pendidikan, kemudahan asas, kepuasan hidup, emosi, budaya dan prasarana imej ruang tersebut (Kim et al., 2013). Ini kerana pembangunan ekopelancongan yang dijayakan mewujudkan aliran wang masuk ke ruang pelancongan yang membawa kepada aspek pembangunan dan pemanfaatan kepada komuniti setempat (Chistopher et al., 2016).

Bagi negeri Johor, aset semulajadi terpenting yang ada dan telah dibangunkan ialah Tapak RAMSAR Tanjung Piai, Sungai Pulau dan Pulau Kukup (Hamdan, Azalan Shah & Muhamad Afizzul, 2017; Ahmad et al., 2019; Zaitie, 2019; Mohamed et al., 2020), Taman Negara Endau-Rompin (TNER) Peta dan Selai (Hussain et al., 2017; Ibrahim et al., 2019); Gunung Ledang, Pulau Kukup dan Tanjung Piai (Hussain et al., 2017; Sabarudin & Mohd Rusli, 2019), Hutan Lipur Gunung Panti dan Pantai Barat Daya Batu Pahat serta Rizab Hidupan Liar Endau Kluang, Endau Kota Tinggi dan Segamat (Zahidah et al., 2014). Hutan Simpan Kekal dan lembangan sungai yang ada di Johor membentuk sebuah ekosistem yang saling bergantung untuk kelestarian sumber dan kehidupan di sekitarnya.

Maka, kerajaan Negeri Johor melalui Rancangan Struktur Negeri Johor (RSNJ) memfokuskan kepada kekuatan sektor ekonomi di setiap daerah di Johor sebagai dasar pembangunan utama negeri ini. Ini membolehkan kepelbagaian aktiviti ekopelancongan dan pelancongan bernilai tinggi dengan produk bertaraf antarabangsa seperti RAMSAR, taman negara, taman laut dan geopark dapat dilestarikan. Contohnya, daerah Mersing memfokuskan kepada perancangan ekopelancongan TNER Peta (Hussain et al., 2017) dan Taman Laut Sultan Iskandar (TLSI) (Siew, 2015); daerah Tangkak dengan fokus gaya hidup dan pelancongan pengembaraan hutan legenda (M. Adli et al., 2018); dan daerah Pontian bagi prospek ekopelancongan RAMSAR dan Taman Negara (Hamdan, Azalan Shah & Muhamad Afizzul, 2017; Ahmad et al., 2019; Zaitie, 2019; Mohamed et al., 2020).

Nelayan juga terlibat secara langsung dalam kegiatan ekopelancongan di kawasan paya bakau, sungai dan laut. Contohnya, nelayan di Tanjung Piai dan Kukup terlibat dalam aktiviti pemuliharaan paya bakau, membawa pelancong dan pemancing yang ingin menggunakan perkhidmatan mereka (Hamdan, 2009). Ada juga nelayan yang bekerja di chalet peranginan, menjadi pemandu pelancong dan menyediakan perkhidmatan menyewa bot kepada pelancong (Samsudin et al, 2010). Contohnya, nelayan di Kampung Belukar Durian kreatif dalam menawarkan pakej ekopelancongan dengan menggabungkan elemen kebudayaan, keunikan cara hidup masyarakat, agropelancongan dan serta keunikan alam semula jadi untuk dirasai para pelancong. Pada masa yang sama turut mempromosikan kawasan tanah lembab Sedili Kechil kepada para pelancong. Antara pakej lain yang ditawarkan adalah penanaman semula bakau, sungai safari, menerokai pantai berpasir, mengutip lokan dan kraftangan kerang-kerangan laut, mencanting batik dan berkunjung ke pusat penetasan belangkas. Bagi komuniti nelayan di Kampung Johor Lama, Kota Tinggi, mereka juga terlibat dalam sektor ekopelancongan seperti menyusuri Sungai Johor, memancing ikan, melihat kunang-kunang, program jejak warisan, dan merasai adat, tradisi dan budaya Johor Lama. Begitu juga dengan nelayan di sekitar tanah lembab Linting memanfaatkan hutan paya bakau sebagai sumber ekonomi untuk pendapatan harian mereka (KEJORA, 2015; KEJORA, 2016; KEJORA, 2017).

Kawan Iskandar Malaysia

Kawan Iskandar Malaysia (KIM) merupakan program yang berstrategi untuk pembangunan sosial dilaksanakan oleh IRDA untuk memastikan seluruh rakyat menikmati dan mengambil bahagian dalam pembangunan pesat di WIM. Program ini bertujuan membangun sosioekonomi kepada golongan sasaran iaitu penduduk yang berpendapatan isi rumah kurang dari RM 3,000 di 14 buah mukim di WIM. Mukim tersebut adalah Mukim Sedenak, Bukit Batu, Senai Kulai, Sungai Tiram, Plentong, Tebrau, Bandar Johor Bahru, Pulai, Jelutong, Tanjung Kupang, Jeram Batu, Pontian, Sungai Karang dan Serkat.

KIM memberi keutamaan kepada kegiatan ekonomi setempat sedia ada, aktiviti ekopelancongan yang berpotensi dan diuruskan bersama penduduk kampung melalui sebuah koperasi yang dianggotai oleh penduduk kampung tersebut yang diiktiraf oleh pihak IRDA dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Tujuan utama program KIM dijalankan adalah untuk mempertingkatkan pendapatan dan kualiti kehidupan khususnya keluarga dan individu yang berpendapatan rendah. KIM memperuntukkan dana melalui skim pinjaman mudah berjumlah RM14 juta melalui kerjasama dengan Bank Rakyat Berhad yang hanya akan diberikan sekiranya mukim yang terlibat memenuhi syarat seperti penubuhan koperasi, penyediaan rancangan perniagaan, serta kesediaan dan kerjasama semua penduduk dalam melaksanakan projek yang dirancang.

Sejak dilaksanakan pada tahun 2013, kini program KIM telah membantu meningkatkan hampir 53 peratus pendapatan peserta dan lebih 35,000 orang pelancong tempatan dan antarabangsa telah berkunjung ke kawasan di mana program KIM dilaksanakan. Program KIM juga membantu memperkasa pesertanya seperti pemberian kursus bahasa Arab, Jepun, Mandarin dan Inggeris, bantuan infrastruktur pejabat pengurusan dan operasi, ruang dan premis perniagaan untuk koperasi dan bantuan promosi (Iskandar Malaysia, 2013; Iskandar Malaysia, 2014; Iskandar Malaysia, 2015; Iskandar Malaysia, 2016; Iskandar Malaysia, 2017; Iskandar Malaysia, 2018).

Metodologi dan Kawasan Kajian

Secara keseluruhannya, terdapat 14 buah kawasan di dalam wilayah IRDA yang menjalankan program KIM. Berdasarkan kepada jumlah tersebut, hanya empat kawasan sahaja yang melibatkan penduduk di Kawasan pesisir yang menjalankan aktiviti ekopelancongan. Kawasan yang terlibat adalah Kampung Sungai Melayu, Ulu Pulai, Permas Besar dan Kongkong Laut. Kawasan ini merupakan kawasan program KIM dilaksanakan, melibatkan nelayan dan menjalankan aktiviti ekopelancongan. Oleh sebab itu empat kawasan ini dipilih untuk dijadikan kawasan kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Manakala pengumpulan data bagi kajian ini menggunakan kaedah temu bual. Pemilihan responden bagi temu bual adalah berdasarkan persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan digunakan untuk meningkatkan nilai maklumat yang dikehendaki dalam kajian ini (Zikmund, 2000; Sabitha, 2005). Dalam kajian ini, responden yang dipilih melibatkan ketua kampung, pengerusi koperasi, penduduk kampung dan ahli koperasi seramai 16 orang seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Responden Kajian

Kawasan	Ketua Kampung	Pengerusi Koperasi	Penduduk Kampung	Ahli Koperasi
Kampung Sungai Melayu	1	1	1	1
Kampung Ulu Pulai	1	1	1	1
Kampung Permas Besar	1	1	1	1
Kongkong Laut	1	1	1	1

Temu bual ialah kaedah di mana penemu bual akan bersemuka dengan seorang atau lebih responden untuk bertanyakan soalan. Jenis temubual yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual mendalam. Temu bual mendalam dipilih kerana kaedah ini membolehkan penyelidik memfokuskan kepada tema-tema penting yang berkaitan dengan apa yang di kaji (Morley, 1992; Maxwell, 2005; Sabitha, 2005; Neuman, 2006; Babbie, 2013).

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian yang diperolehi dikelaskan kepada dua iaitu peluang dan cabaran. Jadual 3 memberikan tema-tema penting pengkelasan dapatan utama kajian yang diperoleh.

Jadual 3: Tema Utama Dapatan Kajian

Peluang	Cabaran
<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan wilayah • Pemeraksanaan komuniti • Peningkatan Sosioekonomi • Pendidikan Awam dan Pemuliharaan Alam Sekitar 	<ul style="list-style-type: none"> • Perubahan dalam Komuniti • Keterpinggiran • Kelemahan Pengurusan Koperasi • Infrastruktur dan Logistik • Pembangunan Sekitaran

Bagi pemimpin tempatan dan komuniti, mereka meyambut baik program KIM yang dilaksanakan di kawasan mereka. Pelaksanaan program juga merupakan sebahagian daripada proses membangun wilayah dan komuniti ke arah kesejahteraan dan kelestarian. Antaranya, peserta program KIM telah diperkasakan agar dapat memberikan servis yang terbaik dan mampu berkomunikasi untuk memberi penerangan kepada pelancong dengan lancar dan mudah difahami. Oleh yang demikian, pelancong yang datang sama ada pelancong tempatan atau antarabangsa akan merasa senang dengan perkhidmatan yang diberikan.

Mereka juga menyatakan program KIM membantu memberi tambahan pendapatan kepada isi rumah. Tambahan pendapatan ini sangat membantu untuk memperbaiki sosioekonomi dan kehidupan mereka terutamanya nelayan. Contohnya, apabila tiba musim cuti persekolahan, jumlah pendapatan mereka akan meningkat berikutan bilangan pelancong yang hadir pada ketika itu adalah lebih daripada biasa. Selain itu, program KIM juga telah mewujudkan peluang perniagaan kepada penduduk setempat. Lebih ramai usahawan di peringkat kampung diwujudkan dan aktif berniaga barangan daripada hasil laut, makanan, kuih muih, cenderamata serta apa sahaja produk yang boleh menarik pelancong untuk membelinya. Mereka berniaga di premis yang disediakan oleh koperasi KIM. Pihak koperasi menyediakan premis perniagaan berbentuk kabin yang disewakan kepada penduduk setempat dengan kadar sewa yang berpatutan. Ada diantara pengurusan koperasi yang mengoptimumkan kawasan ini dengan mewujudkan pasar malam agar tempat ini lebih meriah, ramai pengunjung dan lebih dikenali.

Pada masa yang sama, elemen Pendidikan awam dan pemuliharaan alam sekitar turut diterapkan oleh peserta KIM kepada pelancong yang hadir. Apabila pelancong dibawa menyusuri persekitaran paya bakau, peserta KIM yang juga bertindak sebagai pemandu pelancong akan bercerita tentang keunikan dan keistimewaan yang terdapat di kawasan sekitar. Pakej ekopelancongan yang ditawarkan adalah sangat berbaloi, sesuai kepada pelbagai lapisan umur disamping memberi pendidikan tentang alam tabii dan kepentingan pemuliharaannya untuk mengimbangi ekosistem alam sekitar.

Seterusnya adalah dapatan yang diperoleh melibatkan isu, permasalahan dan cabaran terhadap program KIM yang dilaksanakan. Antaranya perubahan kepada komuniti, Dapatan menunjukkan kefahaman komuniti terhadap program ini masih rendah, menyebabkan kurangnya penerimaan komuniti terhadap program ini secara keseluruhannya. Hal ini juga disebabkan kurangnya penerangan diberikan kepada komuniti menyebabkan timbulnya perasaan risau dan takut sekiranya kawasan mereka akan diambil untuk pembangunan.

Responden juga menyatakan wujudnya isu keterpinggiran terutamanya melibatkan keahlian dan pengurusan koperasi. Wujudnya limitasi untuk melantik keahlian baru untuk koperasi. Bahkan, ada juga keahlian koperasi dibuka kepada orang luar iaitu bukan daripada komuniti kampung berkenaan. Ketidakpuasan hati juga dizahirkan apabila ada koperasi yang menetapkan sewaan premis pada harga yang terlalu tinggi. Komuniti kampung yang kurang berkemampuan tidak mampu untuk membayar sewaan tersebut dan hanya orang luar sahaja yang mampu akan membayarnya sekaligus dapat berniaga di premis berkenaan. Bagi komuniti setempat, mereka mengharapkan agar pihak koperasi lebih terbuka dan manfaatnya akan dapat dinikmati oleh semua penduduk kampung dan tidak hanya eksklusif kepada ahli koperasi sahaja. Tidak boleh dinafikan, wujudnya isu berkaitan perbezaan fahaman politik yang memberi kesan terhadap kelancaran dan penyertaan komuniti terhadap program KIM ini. Apabila berlaku perubahan politik negara pada tahun 2018, kesan daripada perubahan politik itu nampak sangat lebih ketara. Responden menyatakan bahawa keahlian koperasi adalah lebih diutamakan kepada parti politik tertentu sahaja. Ada juga yang menyatakan bahawa peluang untuk berniaga di premis hanya diberikan kepada kroni yang sama sahaja.

Responden juga menyatakan wujudnya kelemahan dalam pengurusan koperasi yang dibentuk terutamanya isu penggiliran bot dan infrastruktur yang tidak berfungsi dengan optimum. Sebagai koperasi yang menjalankan aktiviti ekopelancongan di kawasan pesisir, pengangkutan

utama yang digunakan adalah bot. Ahli koperasi yang tidak mempunyai bot merasa tidak berpuas hati kerana hanya ahli yang mempunyai bot sahaja mendapat giliran dan mendapat keuntungan yang lebih. Walaubagaimanapun, sistem giliran yang diaplikasikan juga tidak memuaskan hati semua pihak. Ada juga koperasi yang mempunyai bot dan kemudahan pelancongan lain tetapi tidak dapat beroperasi memandangkan kekangan seperti pasang surut air dan kemudahan jeti yang uzur dan jauh. Kelemahan pengurusan koperasi juga nampak jelas terutamanya di kawasan KIM yang kurang popular. Kehadiran pelancong di kawasan ini sangat kurang dan pakej ekopelancongan mereka juga tidak mendapat sambutan. Sewaktu pihak IRDA membantu melakukan promosi, jumlah kedatangan pelancong adalah memberangsangkan. Kebanyakan koperasi hanya bergantung kepada pelancong dari Singapura dan juga musim cuti sekolah sahaja.

Dapatan juga menunjukkan terdapat isu berhubung dengan infrastruktur yang diberikan kurang efisien dan tidak membantu peserta KIM. Melalui program KIM, koperasi diberikan fasiliti “low carbon” seperti sistem solar dan *biodigester*. Namun begitu, fasiliti ini kebanyakannya kini tidak dapat berfungsi. Malah, kos untuk membaikinya adalah mahal dan tidak mampu ditanggung oleh koperasi. Sebaliknya, fasiliti ini akan hanya dibiarkan begitu sahaja tanpa dimanfaatkan. Ada juga rungutan daripada komuniti tentang kedudukan bangunan premis koperasi KIM yang tidak strategik serta menghalang penglihatan dan membahayakan pengguna jalan raya sehingga menyebabkan berlakunya kemalangan.

Kawasan ekopelancongan KIM merupakan kawasan alam tabii, sangat sesuai untuk pembelajaran dan pendidikan awam. Namun, himpitan dari proses pembangunan yang sedang rancak sedikit sebanyak memberikan kesan yang negatif terhadap kawasan dan aktiviti ini. Mereka menyatakan keadaan sungai kini semakin mengecil, cetek dan tercemar sehingga mengganggu aktiviti akuakultur yang diusahakan penduduk sekitar. Selain itu, jumlah tangkapan juga semakin berkurangan dan memerlukan kos yang lebih tinggi untuk menangkap ikan di kawasan yang lebih jauh. Hakisan kepada ekosistem bakau juga semakin teruk. Di satu kawasan KIM, penambakan untuk mewujudkan pulau buatan ternyata menjejaskan kawasan tumpuan pelancongan iaitu kawasan RAMSAR dan status pemuliharaannya. Penduduk juga menyatakan spesies seperti latok telah pupus di kawasan ini.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, program KIM yang berbentuk ekopelancongan melibatkan penyertaan komuniti kawasan pesisir adalah satu model pembangunan komuniti yang berjaya. Peserta program ini berjaya mendapat pendapatan sampingan tambahan yang membantu memperkukuh ekonomi mereka selaku nelayan. Proses pemerikasaan komuniti selaku peserta juga dilaksanakan oleh IRDA membolehkan komuniti kawasan pesisir mempromosi dan memperkenalkan keunikan dan keistimewaan kawasan mereka kepada pelancong luar dan dalam negara. Program KIM juga menjadi model untuk memperkasakan komuniti menerusi penglibatan mereka bersama koperasi kampung yang dibentuk. Walaubagaimanapun, wujud ketidakpuasan hati dikalangan komuniti dan pihak yang kurang mendapat kelebihan daripada program ini. Usaha penambahbaikan bagi mengurangkan masalah dan cabaran ini perlulah ditangani bersama. Komitmen besepadu dan penyelesaian terintegrasi akan memastikan kelestarian program ini dicapai. Kesejahteraan sosioekonomi komuniti akan dirasai dan keindahan alam tabii akan terus kekal terpelihara.

Penghargaan

Penghargaan tertinggi diberikan kepada Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan Unit Endowmen UTM serta 1) Geran Kursi Profesor Iskandar Malaysia (R.J130000.7309.4B338); 2) Geran Pembangunan Lestari Wilayah – Kajian Kes Iskandar Malaysia dan Geopark Kebangsaan (Q.J130000.21A2.04E41); dan 3) Geran Kajian Awal Pembangunan Mersing Geopark (Q.J130000.2509.19H78) atas sokongan dana kewangan dan penyelidikan untuk digunakan bagi membiaya dan menjayakan penyelidikan ini. Penghargaan juga diberikan kepada Wan Daraputri Razali, Nik Sabrina Abdullah, Nur Farhani Ismail, Nurul Idayu Sulong dan Tengku Nor Afiza Tengku Mohamed Nasir atas bantuan menjayakan penyelidikan ini.

Rujukan

- Anand, S.K. (2015, October 17). IRDA Rancang Perkaampungan Eko-Pelancongan. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/10/89612/irda-rancang-perkampungan-eko-pelancongan>
- Ahmad, N.M.N., Razzaq, A.R. A., & Maryati, M. (2019). Potential of community capacity building for ecotourism purposes in Tg.Piai, Johore. *IOP Conf. Ser.: Earth Environ. Sci.* 269 012007
- Babbie, E. (2013). *The Practice of Social Research*. 13th Edition. Canada: Wadsworth Cengage Learning.
- Butler, R.W. (1980). The concept of a tourist area cycle of evolution: Implication for management of resources. *Canadian Geographer* 24(1), 5-12.
- Ceballos-Lascurain, H. (1996). *Tourism, ecotourism and protected areas*. Gland, IUCN, Switzerland.
- Christopher, P., Zaini, S., & Siti Khatijah, Z. (2016). Impak ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di Malaysia: Kajian kes komuniti nelayan Bagan Lalang, Sepang, Selangor. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 4 (94 - 108)
- Er, A.C., & Nurul, B.M.L. (2013). Tahap kefahaman ekopelancongan dalam kalangan komuniti lokal di Lata Jarum, Raub, Pahang. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 8(2), 27-34.
- Hamdan, O., Azalan Shah, I., & Muhamad Afizzul, M. (2017). *ATLAS of the RAMSAR sites in Johor, Malaysia*. Kuala Lumpur: Attin Press Sdn Bhd.
- Hussain, O., Khairul A., Berhannudin, M.S., M. Hisyam, A., & Shamsaad, S. (2017). Orang Asli Jakun dan Taman Negara Endau Rompin Johor, dalam Hussain Othman & Rosman Md. Yusoff (ed.). *Pendayaupayaan Bahasa, Agama dan Transformasi Masyarakat*. Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM.
- Ibrahim, K. (2019). *Tindakan Kelestarian: Meneraju Pembangunan Lestari Wilayah Johor*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Iskandar Malaysia. (2012). *Inspiring Aspirations. Annual Report 2012*. Johor Bahru: Iskandar Regional Development Authority.
- Iskandar Malaysia. (2013). *Merintis Peluang Ke Arah Kemampanan. Laporan Tahunan 2013*. Johor Bahru: Iskandar Regional Development Authority.
- Iskandar Malaysia. (2014). *Merealisasikan Pembangunan Yang Mampan. Laporan Tahunan 2014*. Johor Bahru: Iskandar Regional Development Authority.
- Iskandar Malaysia. (2015). *Alami Iskandar Malaysia, Peluang Antarabangsa. Laporan Tahunan 2015*. Johor Bahru: Iskandar Regional Development Authority.

- Iskandar Malaysia. (2015b). *Comprehensive Development Plan ii Iskandar Malaysia 2014 – 2025*. Johor Bahru: Iskandar Regional Development Authority.
- Iskandar Malaysia. (2016). *Sedekad Kecemerlangan. Laporan Tahunan 2016*. Johor Bahru: Iskandar Regional Development Authority.
- Iskandar Malaysia. (2017). *Berinovasi untuk Kemampanan Masa Depan. Laporan Tahunan 2017*. Johor Bahru: Iskandar Regional Development Authority.
- Iskandar Malaysia. (2018). *Rejuvenasi Potensi Kelangsong Pertumbuhan. Laporan Tahunan 2018*. Johor Bahru: Iskandar Regional Development Authority.
- Kartina, N., & Dayang, S.M. (2019). Impak Ekopelancongan Terhadap Pemerksaan Wanita, Kesaksamaan Gender dan Pembangunan Komuniti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*,4(6), 139 – 151
- Kim, K., Uysal, M., & Sirgy, M.J. (2013). How does tourism in a community impact the quality of life of community residents? *Tourism Management* 36, 527-540.
- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA). (2015). *Laporan Tahunan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 2015*. Kota Tinggi, Johor: Lembaga Kemajuan Johor Tenggara.
- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA). (2016). *Laporan Tahunan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 2015*. Kota Tinggi, Johor: Lembaga Kemajuan Johor Tenggara.
- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA). (2017). *Laporan Tahunan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 2015*. Kota Tinggi, Johor: Lembaga Kemajuan Johor Tenggara.
- M. Adli, M.S., Mohd Salleh, A., Wirdati, M.R., & Muhammad Syakir, S. (2018). Persepsi Penggiat Rekreasi Terhadap Aktiviti Rekreasi Luar yang Menjadi Keutamaan di Gunung Ledang, Taman Negara Johor. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* Vol. 2, No. 1 (2018), 1-9| eISSN: 2600-7622
- Maxwell, J.A. (2005). *Qualitative research design: An interactive approach (2nd Ed.)*. Thousand Oaks: Sage.
- Mohamed, A.E., Alwi, M.K. & Xing, L.W. (2020). Eco-tourism impacts in Pulau Kukup National Park: Exploring residents perspectives. *Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts*, 12 (2), 112-127.
- Mohd Hamdan, A. (2009). Conservation and Promotion of Heritage: Mangrove Ecology and Informal On-Stilt Coastal Water-Based Community of The Southernmost Tip of Asian Continent. *Jurnal Alam Bina*, 15(1), 53-64.
- Morley, D. (1992). *Television, audiences & cultural studies*. London & New York: Routledge.
- Neuman, W.L. (2006). *Social Research Methods Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Performance Management Delivery Unit (PEMANDU). (2012). *Program Transformasi Ekonomi Pelancongan*. Diakses dari [http:// www.pemandu.gov.my](http://www.pemandu.gov.my).
- Sabarudin A.K.W., & Mohd Rusli, Y. (2019). Perception and Satisfaction of Ecotourism Resource Development in Gunung Ledang Johor National Legendary Park in Malaysia: Ecotourists Perspective. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 13(6), 82-92. DOI: 10.22587/ajbas.2019.13.6.9
- Sabitha, M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sosial. Edisi Pertama*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia.
- Samsudin, M., Mohd Radzi, M., Abdul Manaf, A., dan Saim, N. J. (2010). Warisan Sejarah dan Pelancongan Mersing Serta Kepulauan Hamzah dlm. Mohamed, C. A. R., Sahrani, F.

- K., Abdul Manaf, A., Omar, M., Che Cob, Z., dan Lee, J. N. (eds). *Penyelidikan Pantai Timur Johor: Mersing Warisan Terpelihara. Siri Ke-Tiga Siri Penyelidikan dan Maklumat Perairan Malaysia*. Bangi: Pusat Penyelidikan Ekosistem Marin, Fakulti Sains, dan Teknologi, UKM.
- Soriya Yin. (2016). *Sustainable City Tourism in Developing Countries: Malaysia Experience. Malaysia Sustainable Cities Program, Working Paper Series*. Retrieved from <https://scienceimpact.mit.edu/sites/default/files/documents/Yin.pdf>
- Tee Siew, T.K. (2015). Johor Giat Promosi Taman Laut Sultan Iskandar. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/11/25/johor-promosi-taman-laut>
- Tourism Malaysia. (2018). *Statistics of Tourist Arrivals*. Retrieved from www.tourism.gov.my.
- Veasna, S., Wu, W.Y., & Huang, C.H. (2015). The impact of destination source credibility on destination satisfaction: The mediating effects of destination attachment and destination image. *Tourism Management* 36: 511-526.
- Wan Suzita, W.I., Habibah, A., & Hamzah, J. (2016). Kepuasan Pelancong Terhadap “Servicescape” di Pelancongan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). *e-Bangi*, Special Issue 2, 001-022, ISSN: 1823-884x
- Zahidah, D., Bakhtiar Effendi, Y., Azniza, M., & Abdul Hamid, A. (2014). Biodiversiti Serangga Ranting di Rezab Hidupan Liar Endau-Kluang, Johor, Malaysia. *Journal of Wildlife and Parks* (2014) 27 : 47-52
- Zaitie, S. (2019). *Rehat minda bersama alam*. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/santai/2019/07/474621/rehat-minda-bersama-alam>
- Zikmund, W.G. (2000). *Business research methods*. 6th ed. Orlando, US: Dryden Press.